FAKULTI UNDANG-UNDANG, UKM

PALU SIDANG

EDISI 1 Januari - Mac 2025



FAKULTI KINI NO.1 DI MALAYSIA

#1LAWMALAYSIA



THE World University Rankings 2025 by Subject

101-125

#1LAW MALAYSIA

Kata Pengantar

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, Palu Sidang Fakulti Undang-Undang (FUU), Universiti Kebangsan Malaysia (UKM) Edisi Sulung (Siri 1/2025) telah berjaya diterbitkan oleh Unit Media Fakulti Undang-Undang. Penerbitan ini menandakan komitmen FUU UKM bagi mendokumen dan menyebarluas perkembangan semasa FUU kepada seluruh warga UKM, IPTA, IPTS dan pemain industri.

Buletin ini diterbitkan dalam format dalam talian bagi memastikan capaian yang lebih meluas dan inklusif, khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi, agensi kerajaan, firma guaman, badan kehakiman dan entiti korporat. Ia mengetengahkan citra FUU UKM sebagai sebuah institusi dinamik yang menggabungkan kekuatan akademik, pemikiran kritis, dan kerjasama strategik dalam mendepani cabaran global yang kompleks.

Antara sorotan utama buletin ini termasuklah inisiatif pengajaran, penyelidikan, pemerkasaan pelajar, jalinan industri, pengantarabangsaan dan keterlibatan komuniti. FUU UKM turut aktif menjajarkan halatuju akademik dengan keperluan semasa pasaran serta dasar negara, dalam usaha melahirkan graduan yang berilmu, berintegriti dan berdaya saing.

Saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada jawatankuasa dan warga FUU UKM serta semua pihak yang telah menjayakan edisi sulung ini. Semoga Palu Sidang menjadi wadah komunikasi yang berkesan dan menyemarakkan lagi usaha kita dalam menjulang nama FUU UKM sebagai peneraju ilmu dan amalan undang-undang di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. RASYIKAH MD. KHALID
Dekan
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kandungan

3 Times higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2025

4 QS World Rankings by Subject 2025

5 Pertandingan Berprestij Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition

6 Karnival Persamian & Penutup Jubli Delima 40 Tahun FUU

- Aktiviti-aktiviti Karnival Jubli Delima 40 Tahun FUU

7 Perhimpunan Kakitangan bersama Kedekanan FUU

8 FUU, UKM telah menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Sarawak Metro Sdn. Bhd

- Pelaksanaan Audit Dalaman Berpasukan SPKPPP UKM (Audit Susulan Akreditasi), FUU

9 Program Muhasabah@FUU

- Program Kasih Ramadan dengan Kerjasama Pusat Islam, Persatuan Mahasiswa FUU (PERUNDANG) dan PUU

10 Sesi Taklimat QS & The World Rankings

- Taklimat Pelajar Baharu Pascasiswazah Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025

11–13
Lawatan Jaringan Antarabangsa
Kunjungan Hormat

14–18
Bengkel

19
Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar FUU kepada Dekan FUU

- Kunjungan Hormat Kesatuan Mahasiswa UKM kepada Dekan FUU

20
Pertandinngan National Client Consultation 2025 bertempat di UKM Kampus Jalan Raja Muda Abd Aziz, Kuala Lumpur

- Anugerah Tokoh Pelajar Siswa

21
FUU, UKM melakukan Kunjungan Antarabangsa ke Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB)

- Program Pengantarabangsa Pelajar 2025 di Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB)
- Delegasi dari FUU UKM

22
Sekalung Tahniah dan Penghargaan sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2025

Times Higher Education (THE) World University Rankings

by Subject 2025

Tahniah dan syabas Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

FUU,UKM melakar kecemerlangan dengan peningkatan membanggakan dalam keputusan penarafan Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2025 yang diumumkan pada 22 Januari 2025.

Subjek Undang-Undang mencatat peningkatan memberansangkan dengan berada di kedudukan 101-125 terbaik dunia serta nombor 1 di Malaysia.

Semoga dengan kecermelangan ini dapat meningkatkan lagi semangat usaha warga FUU untuk terus maju.

Tahniah & Syabas Fakulti Undang-Undang, UKM kerana telah membuktikan kecemerlangan bagi subjek Undang-undang dalam penarafan Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2025.

Fakulti Undang-Undang, UKM mencatatkan peningkatan kedudukan ke 101-125 terbaik dunia. Fakulti Undang-Undang telah berada di kedudukan Nombor 1 di Malaysia bagi subjek Undang-Undang.

Semoga dengan pencapaian ini memberi suntikan semangat kepada warga Fakulti Undang-Undang, UKM untuk terus maju kehadapan.





QS World University Rankings

by Subject 2025.

Sekalung Tahniah diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan pencapaian dalam penarafan QS World University Rankings by Subject 2025 yang diumumkan secara rasmi pada 12 Mac 2025.

Sekalung Tahniah juga diucapkan kepada Fakulti Undang-undang kerana mencapai kedudukan 201-250 teratas di dunia dalam QS World University Rankings by Subject 2025.





Pertandingan Berprestij

Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition



Tahniah dan syabas kepada pasukan Fakulti Undang-Undang yang telah mengharumkan nama UKM mewakili Malaysia dengan pencapaian membanggakan di pertandingan berprestij Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition atau lebih dikenali sebagai Piala Dunia.

Pasukan ini menduduki tempat ke-11 secara keseluruhan selepas mencatatkan rekod tanpa kalah dalam pusingan awal, termasuk kemenangan ke atas juara dunia bertahan serta juara kebangsaan dari United Kingdom, Sepanyol dan Taiwan. Sebanyak 805 pasukan dari seluruh dunia menyertai pertandingan ini.

Menerima Anugerah Alona E. Evans, setelah menduduki tempat ke-13 dunia bagi Best Combined Memorials dalam Pusingan Antarabangsa; dan buat pertama kalinya, layak secara langsung ke Pusingan 32 Terbaik sebagai salah satu daripada 16 pasukan terbaik di dunia. Perjuangan kami berakhir dalam satu perlawanan sengit menentang Universiti Buenos Aires dari Argentina, sebuah pasukan gergasi dalam arena Jessup.



Secara keseluruhannya, pencapaian ini merupakan satu detik yang amat bermakna yang membuktikan keupayaan UKM untuk bersaing dengan universiti terbaik dunia serta mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.

UKM di galas oleh 5 pelajar FUU iaitu saudara Prajhessh Magendran, Ng Chin Yang, Lim Zheng Hua, Tan Ian dan Karthiga Elenggo yang mendapat bimbingan dan sokongan daripada barisan jurulatih berdedikasi iaitu Prof. Madya Dr. Haniff Ahamat, Puan Barvina Punnusamy dan Encik Thenesh Anbalagan.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada generasi pelajar UKM yang akan datang untuk terus menyahut cabaran dan akhirnya membawa pulang Piala Dunia Jessup ke tanah air buat kali pertama suatu hari nanti.

Karnival
Persamian & Penutup Jubli Delima 40 Tahun FUU









YBhg. Dato' Dr. Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria, Ahli Lembaga Pengarah UKM telah mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah UKM bagi merasmikan Karnival Jubli Delima, sempena Sambutan 40 Tahun Fakulti Undang-Undang pada 7 Januari 2025.

Karnival Jubli Delima ini dianjurkan oleh Fakulti Undang-Undang dengan kerjasama persatuan Mahasiswa Undang-undang (Perundang), ALSA, dan Kohort Aquitas. Karnival ini berlangsung selama dua hari pada 7-8 Januari 2025 di Ruang Legar, Bangunan Mahkamah Mut, Fakulti Undang-undang dan terbuka kepada semua warga dan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga orang awam.

Karnival ini dianjurkan bagi menzahirkan penghargaan atas kejayaan Fakulti Undang-undang dalam tempoh empat dekad ini. Fakulti Undang-Undang telah melalui pelbagai transformasi dan pencapaian yang membanggakan, bukan sahaja sebagai sebuah institusi pendidikan undang-undang yang unggul tetapi juga sebagai pemangkin perubahan serta penyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang Karnival ini seperti Jualan Keusahawanan, Ceramah Kerjaya, Pameran Kerjaya oleh firma guaman dan pihak swasta, reruai Akademik Fakulti Undang-undang, reruai Klinik Latihan Bantuan Guaman (KLBG), Wacana Bahasa Kebangsaan, Pertandingan Pidato, Program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Ceramah Kesihatan Mental, Program Lex Talk, Cabutan bertuah, dan Mini Zoo.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian adalah YBrs. Tuan Haji Zanudin Mohd Daud , Pendaftar UKM, YBhg. Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Dekan FUU, dan YBhg. Dato' Haji Zainul Rijal Abu Bakar, Pengerusi ZRTA Group.

Majlis Penutup Karnival Jubli Delima Sempena Sambutan 40 Tahun Fakulti Undang-undang UKM Karnival Jubli Delima sempena Sambutan 40 Tahun Fakulti Undang-undang UKM telah melabuhkan tirainya dengan jayanya pada Rabu, 8 Januari 2025. Majlis Penutup ini telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Undang-undang, Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid.

Fakulti merakamkan setinggi penghargaan setulus hati kepada para pensyarah dan staf pentadbiran yang setia menyokong, Persatuan Mahasiswa Undang-undang (Perundang), ALSA, dan Kohort Aquitas atas dedikasi dan semangat luar biasa. Tidak dilupakan juga kepada semua penceramah, pempamer, penaja, peniaga, usahawan mahasiswa dan pengunjung yang telah bersama-sama menjayakan karnival ini.

Terima kasih kepada tetamu dan warga UKM yang hadir menyertai dan menjadikan karnival ini sebagai platform jaringan, inspirasi, kejayaan dan maklumbalas dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan.

Setiap usaha dan sumbangan adalah menjadi asas penting kepada kejayaan karnival ini. Semoga semangat kerjasama dan kekitaan ini terus bersemarak bagi memastikan kecemerlangan Fakulti Undang-undang UKM ke persada dunia.





















Aktiviti - aktiviti

Karnival Jubli Delima 40Tahun FUU

Perhimpunan

Kakitangan bersama Kedekanan FUU



Perhimpunan Kakitangan bersama Kedekanan FUU UKM Bil. 1/2025 telah berlangsung pada 16 Januari 2025 di Dewan Kuliah 2, Fakulti Undang-undang, UKM melibatkan semua warga akademik dan pentadbiran Fakulti. Perhimpunan ini, turut mengiktiraf pencapaian fakulti sepanjang tahun 2024, yang tidak akan mungkin tercapai tanpa sumbangan, komitmen, dan kerjasama semua pihak. Pencapaian ini termasuklah peningkatan dalam pelbagai aspek seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, dan jaringan industri dan masyarakat.

Selain itu, perhimpunan ini juga menyaksikan peluncuran Pelan Strategik 8i 2025 oleh YBhg. Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Dekan Fakulti Undang-Undang UKM dengan tujuan untuk memacu hala tuju Fakulti dalam menghadapi cabaran dan peluang pada tahun 2025.

Pelan ini menggariskan lapan strategi utama iaitu internasional, infrastruktur, infostruktur, intelek, insentif, integriti, institusi dan interaksi yang akan diterapkan dalam usaha memperkasa aspek akademik, penyelidikan, jaringan industri, serta pembangunan komuniti dan masyarakat. Fakulti terkehadapan dalam usaha melonjakkan kedudukan 100 terbaik dalam bidang perundangan dan mencetuskan gagasan baharu selaras dengan teras pembangunan negara serta memartabatkan bahasa melayu sebagai bahasa perundangan.

Semoga Fakulti terus mencapai kecemerlangan pada tahun 2025.



Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sarawak Metro Sdn. Bhd



21 Februari 2025 - Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sarawak Metro Sdn. Bhd. bertempat di Hotel Grand Margherita, Kuching Sarawak.

Pemeteraian Memorandum Persefahaman hari ini, merupakan inisiatif bersama UKM dan Sarawak Metro Sdn. Bhd. satu lagi sejarah bakal tercipta buat UKM apabila mempunyai ikatan erat bersama industri yang mempunyai hasrat dalam memperkasakan sistem keadilan, perundangan dan polisi berkaitan kenderaan autonomi di Malaysia. Melalui kerjasama ini, akan terbukanya lebih banyak pintu kepada pelbagai peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan, pendidikan, dan pengembangan professionalisme.

Dokumen MoU tersebut telah ditandatangani oleh Prof. Dato Dr. Wan Kamal Mujani, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM disaksikan oleh Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Dekan Fakulti Undang-Undang UKM. Manakala dari pihak Sarawak Metro Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh Ts. Mazli Mustaffa, Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Metro Sdn. Bhd. disaksikan oleh Puan Bibi Waheeda Arman Khan, Pengarah Pejabat Setiausaha Syarikat & Undang-Undang Sarawak Metro Sdn. Bhd.

Turut hadir bersama Ahli Pengurusan Fakulti Undang-Undang, para pegawai dan kakitangan pentadbiran.







Pelaksanaan Audit Dalaman


Bersepadu SPKPPP UKM (Audit Susulan Akreditasi), Fakulti Undang-undang

Audit Susulan Akreditasi Fakulti Undang-Undang telah diadakan pada 27 Februari 2025 secara dalam talian bagi program:

1. Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan)
2. Sarjana Undang-Undang (Mod Penyelidikan)
3. Sarjana Undang-Undang (Mod Kerja Kursus dan Campuran)

Panel penilai bagi audit akreditasi susulan tersebut ialah YBrs. Datin Dr. Noor Lizza Binti Mohamed Said, pensyarah daripada Fakulti Pengajian Islam.

Semoga dengan pelaksanaan audit susulan ini akan menambah baik pelaksanaan pengajaran dan penyelian di Fakulti Undang-Undang.



Program Muhasabah@FUU



Fakulti Undang-Undang telah mengadakan Program Muhasabah@FUU siri 1/2025 dan Majlis Bacaan Yasin pada 26 Februari 2025 bertempat di bilik Mesyuarat Fakulti Undang-Undang. Majlis bacaan Yassin juga telah diadakan dan diketuai oleh Dr. Nizamuddin Alias. Program ini turut diimarahkan dengan Sesi tazkirah ramadan yang bertajuk, "KPI Ramadan Bersediakah Kita" telah disampaikan oleh Dr. Abdul Rahman Mahmood, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam. Program ini juga dihadiri oleh barisan Kedekanan, Staf Akademik dan Pentadbiran.

Semoga apa yang disampaikan dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada kita semua.

Program Kasih Ramadan dengan Kerjasama Pusat Islam, Persatuan Mahasiswa Fakulti Undang-undang (PERUNDANG) dan Perpustakaan Undang-undang.



Pada 21 Mac 2025, bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, Fakulti Undang-undang UKM melaksanakan Program Kasih Ramadan dengan Kerjasama Pusat Islam, Persatuan Mahasiswa Fakulti Undang-undang (PERUNDANG) dan Perpustakaan Undang-undang.



Program di mulakan dengan acara gotong-royong memasak bubur lambuk bermula seawal 8.00 pagi. Setelah selesai, Dekan dan pengurusan Fakulti telah menyerahkan agihan sumbangan bubur lambuk kepada Pengarah, Pusat Islam, UKM bagi mengimarahkan program Nuzul Quran peringkat UKM dalam menghayati kebesaran dan kepentingan Al-Quran dalam kehidupan serta edaran bubur lambuk kepada warga UKM selepas selesai solat Jumaat. Moga diberikan keberkatan buat semua umat dalam bulan Ramadan.

Seterusnya, Dekan bersama-sama warga Fakulti menyantuni pekerja-pekerja pembersihan di Fakulti dengan pemberian sumbangan pek kasih Ramadan daripada warga Fakulti. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban dan membuat persediaan untuk menyambut hari raya.

Program di akhiri dengan Majlis Khatam Al-Quran dan Iftar Jamaie anjuran PERUNDANG bagi menyantuni pelajar undang-undang yang berada di UKM.

Terima kasih diucapkan kepada Dekan dan pengurusan Fakulti yang banyak memberikan sokongan dan memastikan program ini dilaksanakan dengan jayanya. Semoga segala usaha murni ini membawa rahmat dan keampunan kepada kita semua.















Sesi Taklimat

QS & The World University Rankings

Fakulti Undang-Undang (FUU) telah menganjurkan Sesi Taklimat QS & The World University Rankings pada 25 Mac 2025 kepada ahli Mesyuarat Fakulti bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti Undang-Undang, UKM.

Sesi Taklimat tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Roslee Rajikan (Pro Naib Canselor Strategi dan Kewatanan) UKM.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan pencapaian terkini Universiti dan Fakulti di dalam Ranking QS World University Rankings by Subject dan juga THE World University Rankings by Subject bagi penilaian tahun 2025.

Semoga FUU dapat mengatur strategi dan meneruskan kecemerlangan pada tahun seterusnya.

Taklimat Pelajar Baharu

Pascasiswazah Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025

Taklimat Pelajar Baharu Pascasiswazah Bagi Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025

17 Mac 2025 (Isnin)- Pejabat Timbalan Dekan Akademik (TDA), Fakulti Undang-undang telah mengadakan Taklimat Pelajar Baharu Pascasiswazah Bagi Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025 yang dilaksanakan secara atas talian.

Taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Nurhafilah Musa (Timbalan Dekan Akademik) dan Puan Shaizimah Badzri (Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia) yang telah disertai oleh 78 pelajar pascasiswazah baharu, pensyarah, dan kakitangan pentadbiran fakulti.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan struktur program, keperluan akademik, peraturan fakulti dan Universiti, khidmat perpustakaan serta peluang pembelajaran yang ditawarkan. Para pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan tenaga pengajar dan staf akademik bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perjalanan akademik mereka.







FUU, UKM menerima

Lawatan Jaringan Penyelidikan Antarabangsa

dari delegasi Imam Ja'afar Al-Sadiq University (IJSU)







24 Januari 2025 - Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima Lawatan Jaringan Penyelidikan Antarabangsa dari delegasi Imam Ja'afar Al-Sadiq University (IJSU). Sesi perbincangan antara UKM dan IJSU telah dipengerusikan oleh Dr. Nabeel Mahdi Althabhawi, pensyarah Fakulti Undang-Undang, UKM. Manakala IJSU diwakili oleh Dr. Faris Kamil Hasan, Naib Presiden Hal Ehwal Saintifik, IJSU.

Program lawatan ini menjadi titik permulaan yang penting dalam usaha memperkukuh hubungan antara UKM dan IJSU. Perbincangan antara 2 delegasi ini adalah berkaitan peluang kerjasama yang dapat memperkasa kedua-dua institusi dalam bidang akademik dan penyelidikan. Selain itu, sesi perbincangan ini juga telah mengetengahkan usaha kerjasama akademik dan peluang penyelidikan melalui geran antarabangsa. Diharapkan kerjasama ini dapat memberi impak yang positif dan membuahkan hasil yang memberangsangkan dalam masa yang akan datang.

Turut hadir bersama Ahli Pengurusan, warga Akademik dan Pentadbiran Fakulti Undang-Undang.

Lawatan Jaringan Penyelidikan Antarabangsa

dari delegasi Universitas Atma Jaya Yogyakarta (UAJY)

6 Februari 2025 - Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima Lawatan Jaringan Penyelidikan Antarabangsa dari delegasi Universitas Atma Jaya Yogyakarta (UAJY), Indonesia. Sesi perbincangan antara UKM dan UAJY dipengerusikan oleh Dr. Muhamad Sayuti Hassan, Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat (HEJIM). Manakala UAJY diwakili oleh Prof. Dr. Theresia Anita Christiani, S.H., M.Hum., Dekan Fakultas Hukum UAJY.

Program lawatan ini menjadi titik permulaan yang penting dalam usaha memperkukuh hubungan antara UKM dan UAJY.



Perbincangan antara 2 institusi ini adalah berkaitan peluang kerjasama yang berpotensi untuk dilaksanakan dalam usaha menambah kualiti sedia ada sama ada di UKM mahupun UAJY bagi bidang akademik dan penyelidikan berkaitan perundangan di peringkat antarabangsa.

Majlis diteruskan dengan sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan UAJY sebagai merekod kerjasama secara rasmi berkuatkuasa pada tarikh ini. Diharapkan dengan MoU yang telah termeterai ini akan mengukuhkan lagi hubungan baik dan kerjasama antara kedua-dua pihak agar lebih erat dan kekal memberi komitmen jitu pada setiap tahun yang mendatang dalam melakar kejayaan bersama.

Turut hadir bersama Ahli Pengurusan, warga Akademik dan Pentadbiran Fakulti Undang-Undang.

Kunjungan Hormat
di Kementerian Luar Negeri Wisma Putra

6 Mac 2025 - Delegasi Fakulti Undang-Undang (FUU) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Dekan FUU telah melakukan kunjungan hormat di Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra. Pertemuan telah dilakukan bersama Dato' Ahmad Rozian Abd. Ghani, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Hubungan Dua Hala.

Kunjungan ini membawa makna yang lebih bernilai apabila pertemuan yang dilakukan bersama YBhg. TKSU merupakan merupakan alumni tersohor dari Fakulti Undang-Undang, UKM sendiri. Sesi pertemuan adalah bagi membincangkan tentang kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam memastikan kejayaan Fakulti Undang-Undang, UKM supaya dapat terus dilakar di persada dunia mahupun di Malaysia dalam bidang perundangan di pelbagai aspek.

Selain itu, telah dibentangkan pelbagai pencapaian cemerlang yang telah diraih oleh fakulti dalam beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk kejayaan dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan, dan lain-lain. Sesi kunjungan ini juga bertujuan untuk merapatkan kembali hubungan dengan alumni-alumni terkemuka, dengan harapan dapat bersama-sama menyumbang kepada usaha meningkatkan reputasi dan nama baik fakulti.

Turut hadir bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri, Ahli Pengurusan, warga Akademik dan kakitangan Pentadbiran Fakulti Undang-Undang.





Lawatan dari Universiti Thaksin (TSU) Thailand







6 Mac 2025 - Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima lawatan dari Universiti Thaksin (TSU) Thailand.

Perbincangan antara delegasi ini telah diketuai oleh Dekan Fakulti Undang-Undang UKM iaitu Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid manakala dari TSU ialah Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik dan Pembelajaran Fakulti Undang-Undang TSU, Ms. Hathaikarn Kamnerdpetch.

Pertemuan antara kedua-dua delegasi pada hari ini adalah untuk membincangkan tentang potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam memperkasa bidang akademik, penyelidikan, pembangunan sahsiah pelajar dan lain lain perkara berkaitan perundangan yang telah dipersetujui bersama. Program lawatan ini adalah bagi mengukuhkan hubungan kerjasama rentetan hubungan baik yang telah terjalin menerusi Surat Hasrat (LoI) dan aktiviti-aktiviti yang giat dilaksanakan secara bersama dari tahun ke tahun.

Program diteruskan dengan sesi lawatan ke sekitar fakulti bagi memberi pendedahan kepada delegasi TSU mengenai kemudahan dan prasarana yang disediakan, khususnya untuk menyokong pengalaman para pelajar mereka yang akan menjalani program pertukaran pelajar di sini. Turut hadir bersama Ahli Pengurusan, warga Akademik dan Pentadbiran Fakulti Undang-Undang.

Lawatan Penanda Aras

Akademik Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke Fakulti Undang-undang (FUU)





Lawatan ini telah disantuni oleh YBhg. Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid Dekan FUU UKM, Dr. Nurhafilah Musa Timbalan Dekan Akademik, Dr. Mohamad Azhan Yahya Penolong Dekan Pengajaran & Citra dan pegawai-pegawai daripada Portfolio Akademik. Lawatan ini telah dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai struktur program pascasiswazah di FUU, UKM, diikuti perbincangan berkaitan program pascasiswazah serta lawatan ke fasiliti pembelajaran seperti perpustakaan, dewan kuliah, bilik latihan guaman dan mahkamah mut.

Lawatan ini diharapkan dapat membina kerjasama strategik antara UKM dan UiTM dalam meningkatkan mutu program pascasiswazah, serta memberi manfaat kepada pelajar di kedua-dua institusi. Semoga hubungan ini terus berkembang demi kecemerlangan akademik bersama.

23 Januari 2025 (Khamis)- Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (FUU, UiTM) telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Akademik ke Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU,UKM) sebagai usaha memperkukuh hubungan akademik dan bertukar pandangan terutama mengenai pengurusan program pascasiswazah. Delegasi UiTM yang hadir terdiri daripada Dr Muhammad Umar, Timbalan Dekan Akademik, PM Dr Norazlina Aziz, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri, Dr Akhmal Hasmin, Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Dr Siti Sarah Sulaiman, Mantan Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah dan Pn Intan Syazlina, Penolong Pendaftar Akademik.

Perjumpaan

Pengurusan Akademik Fakulti Undang-undang bersama Pelajar





Pihak Pengurusan Akademik Fakulti Undang-Undang (FUU), telah mengadakan sesi perjumpaan bersama para pelajar dari tahun 1 hingga 4 pada 14-15 Januari 2025 di Dewan Kuliah, FUU.

Perjumpaan ini bertujuan untuk mendengar isu-isu semasa yang dihadapi oleh para pelajar, khususnya berkaitan hal akademik, kebajikan, dan aspek lain yang memberi impak kepada pengalaman pembelajaran mereka. Sesi ini juga menjadi platform untuk para pelajar berkongsi pandangan, cadangan, dan maklum balas secara langsung dengan pihak pengurusan fakulti.

Turut serta di dalam perjumpaan ini ialah YBhg. Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Dekan, YBrs. Dr. Nurhafilah Musa, Timbalan Dekan Akademik, Ketua Program Prasiswazah, Ketua Penyelaras tahun 1-4, serta pegawai-pegawai akademik fakulti.

Pihak fakulti ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelajar yang telah hadir dan aktif mengambil bahagian dalam sesi ini. Setiap pandangan yang dikemukakan akan dipertimbangkan demi penambahbaikan dan kesejahteraan bersama.

Terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua yang menjayakan perjumpaan ini. Bersama-sama kita membentuk fakulti yang lebih progresif dan prihatin.





Bengkel

Pemantapan Permohonan Geran FRGS



Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Permohonan Geran FRGS pada 15/1/2025 (Rabu) di Bilik Mesyuarat, Fakulti Undang-Undang.

Bengkel ini diadakan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kaedah dan tatacara mengisi maklumat FRGS. Bengkel ini juga dapat membantu pensyarah FUU mendapatkan maklumat berkenaan FRGS dengan lebih mudah dan tepat.

Prof. Madya Dr. Ramalinggam Rajamanickam, Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan telah dijemput untuk memberi bimbingan dan tips memperoleh geran FRGS.

Turut hadir pada bengkel ini ialah Prof. Dr. Rasyikah Md Khalid (Dekan FUU), Dr. Muhamad Helmi Md. Said (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi), serta para pensyarah FUU.

Bengkel Portfolio Program Akademik, FUU

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan memperkemaskan pengurusan hal-ehwal akademik selaras dengan

perkembangan akademik semasa di Fakulti Undang-Undang. Antara perkara utama yang dibincangkan adalah mengenai hal-ehwal Pentadbiran dan Pengurusan Akademik secara keseluruhan serta rancangan pembangunan kurikulum bagi Program Pengajian Siswazah yang baharu.

Turut serta dalam bengkel ini ialah Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid (Dekan Fakulti Undang-Undang), Dr. Nurhafilah Musa (Timbalan Dekan Akademik), Dr. Muhamad Helmi Md. Said (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi) dan Dr. Muhamad Sayuti Hassan@Yahya (Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat).





Bengkel APEL Q:

Penawaran Ijazah Sarjana melalui Pengalaman

Pada Rabu 22 Januari 2025, Fakulti Undang-undang UKM telah menganjurkan Bengkel APEL Q (Accreditation of Prior Experiential Learning) untuk para pensyarah. Bengkel ini Di

dikendalikan oleh Ts Dr Syazwani Mohd Fadzil, Penyelaras APEL Q, daripada Pusat Pengurusan Akademik UKM.

Bengkel ini adalah inisiatif Portfolio Akademik Fakulti bagi meningkatkan kefahaman tentang mekanisme penawaran Ijazah Sarjana melalui laluan APEL Q. Bengkel ini memberi pendedahan praktikal tentang:

- Cara menilai pengalaman dan pengetahuan sedia ada calon.
- Prosedur pengiktirafan pembelajaran terdahulu (APEL) mengikut garis panduan MQA.
- Strategi merangka program sarjana yang inklusif dan berkualiti.



Bengkel

Penetapan Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPU) Fakulti Undang-undang





Pada 14 Februari 2025, Fakulti Undang-Undang UKM telah mengadakan Bengkel Penetapan Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPU) 2025 di Dorsett Putrajaya yang bertujuan untuk membincangkan dan penetapan penilai dan wajaran bagi tahun 2025 . Ketetapan ini melibatkan ahli akademik dan pentadbir Fakulti, yang berperanan dalam menyusun dan menetapkan prestasi bagi memastikan pencapaian individu dalam setiap aspek akademik dan pentadbiran.

Melalui bengkel ini, pelbagai pendekatan dan strategi telah dibincangkan untuk mempertingkatkan prestasi dan keberkesanan sistem SPPU dalam memberikan impak positif kepada pengajaran, penyelidikan, dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Ahli Kedekanan, Pengerusi Pusat Kajian, Ketua Program dan Pegawai Kanan Fakulti Undang-Undang.

Bengkel Penyelarasan & Penetapan KPI

Fakulti Undang-undang 2025







Bengkel Penyelarasan & Penetapan KPI Fakulti Undang-Undang 2025 telah diadakan dengan jayanya pada 13 Februari 2025 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.

Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuhkan perancangan dan pelaksanaan serta penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memastikan Fakulti Undang-Undang terus berkembang dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, penyelidikan, dan pembangunan staf.

Sepanjang sesi ini, para peserta diberikan peluang untuk berbincang, menyelaras dan menetapkan KPI yang jelas bagi tahun 2025.

Perbincangan yang dijalankan turut menumpukan kepada pengukuhan peranan setiap individu dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan serta memperkasakan kerjasama antara keseluruhan ahli fakulti.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Ahli Pengurusan dan Pegawai Kanan Fakulti Undang-Undang.

Bengkel Penulisan Q1/Q2



Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Q1/Q2 Siri 1 pada 12/2/2025 (Rabu) secara hibrid.

Bengkel ini diadakan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kaedah dan tips mengenai pangkalan data SCOPUS.

Dr. Mohd Ikhwan Ismail, Pustakwan Kanan, Bahagian Pengurusan Data Penyelidikan, Perpustakaan Hamzah Sendut USM dan Dr. Hanifah Haydar Ali Tajuddin, Pensyarah Kanan Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan (MyCoL) FUU telah dijemput bagi memberikan perkongsian mengenai penulisan Q1/Q2.

Turut hadir pada bengkel ini Dr. Muhamad Helmi Md. Said (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif (Pengerusi Pusat CILAS) serta para pensyarah FUU.

Bengkel Penulisan Q1/Q2 Siri 2





Pejabat TDPI telah berjaya menganjurkan Bengkel Penulisan Q1/Q2 Siri 2 pada 13 Mac 2025 (Khamis). Bengkel ini menampilkan perkongsian daripada Prof. Dr. Zinatul Ashiqin Zainol, Profesor Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan (MyCoL) dengan tajuk "Choosing the Right Journal and How to Publish In It".

Sesi ini turut disertakan dengan penerangan mendalam serta sesi soal jawab interaktif, di mana para peserta berpeluang mendapatkan panduan dan strategi terbaik untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks tinggi.

Terima kasih kepada semua yang hadir! Semoga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam penerbitan.



Bengkel

Pemurnian Manuskrip (Tesis ke Buku/Buku Suntingan)



Bengkel Pemurnian Manuskrip (Tesis ke Buku/Buku Suntingan) [11 Mac 2025] - Telah berlangsung Bengkel Pemurnian Manuskrip (Tesis ke Buku/Buku Suntingan) Siri 1 secara hibrid!

Bengkel ini bertujuan membantu penulis memperkemas manuskrip agar lebih berkualiti.

Encik Muhammad Khair Abd Razak, Penerbit UKM dan Prof. Dr. Kamal Halili Hassan, Profesor PUsat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan (MyCoL) telah dijemput untuk memberikan bimbingan, perkongsian maklumat mengenai Sistem e-Manuskrip, dan membantu dalam membuat penilaian.

Semoga ilmu yang dikongsi bermanfaat dalam perjalanan penulisan dan penerbitan!





Bengkel

Pemurnian Akhir Buku Mewah 40 Tahun Fakulti Undang-undang



Bengkel Pemurnian Akhir Buku Mewah 40 Tahun Fakulti Undang-Undang telah diadakan pada 18 Februari 2025 bertempat di Mercure Living Putrajaya.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Ahli Pengurusan, Wakil Perpustakaan Undang-Undang, Wakil Muzium Warisan Akademik, Wakil Penerbit UKM, Alumni FUU dan Unit Media FUU. Bengkel ini diadakan bagi tujuan membuat semakan dan perbincangan draf akhir buku Mewah 40 Tahun FUU.

Bengkel Gerak Kerja

Strategik Akademik, Fakulti Undang-undang 2025



25 Februari 2025 (Selasa)- Pejabat Timbalan Dekan Akademik (TDA) telah mengadakan Bengkel Gerak Kerja Strategik Akademik Fakulti Undang-Undang 2025, yang berlangsung di Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi.

Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan perancangan strategik bagi mencapai KPI Universiti dan fakulti pada tahun 2025.

Bengkel dihadiri oleh YBrs. Dr. Nurhafilah Musa (Timbalan Dekan Akademik), Dr. Nur Khalidah Dahlan (Ketua Program Prasiswazah), Dr. Asma Hakimah Ab Halim (Ketua Program Siswazah) serta pegawai dan kakitangan akademik fakulti.

Inisiatif ini menunjukkan komitmen Fakulti Undang-Undang dalam memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai melalui perancangan yang strategik dan berterusan.

Bengkel Pemantapan Penyelia

Pelajar Pascasiswazah Fakulti Undang-undang



19 Mac 2025 (Rabu)- Pejabat Timbalan Dekan Akademik (TDA), Fakulti Undang-undang (FUU) telah berjaya menganjurkan Bengkel Pemantapan Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Fakulti Undang-undang yang berlangsung di Bangi Avenue Convention Centre (BACC).

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid (Dekan), dan telah dihadiri oleh 45 orang peserta terdiri daripada ahli akademik dan kakitangan pentadbiran fakulti.

Pada bengkel ini, sesi perkongsian pengalaman penyeliaan telah disampaikan oleh Ahli Akademik FUU dan YBhg. Prof. Dr. Zainuddin Sajuri, Timbalan Pengarah (Kompetensi Siswazah & Promosi), Pusat Pengurusan Akademik UKM. Beliau dijemput untuk menyampaikan perkongsian kepada Ahli Akademik FUU dengan tajuk Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah: Tanggungjawab dan Cabaran.



Inisiatif ini menunjukkan komitmen Fakulti Undang-Undang dalam memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai melalui perancangan yang teliti dan usaha yang berterusan untuk memperkasakan warga akademiknya.

Kem Kepimpinan

Mahasiswa Fakulti Undang-undang

Pada 23-25 Februari 2025, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengadakan Kem Kepimpinan Mahasiswa Fakulti Undang-Undang di Lake Sahom, Perak yang melibatkan seramai 32 orang perwakilan daripada PERUNDANG UKM, ALSA UKM dan MOOT CLUB UKM. Kem ini bertujuan untuk memupuk nilai kepimpinan disamping mengeratkan hubungan setiap persatuan/kelab dibawah Fakulti Undang-Undang. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah pengisian mengenai kepimpinan serta aktiviti secara berkumpulan (LDK).

Kem kepimpinan ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid selaku Dekan Fakulti Undang-Undang, turut hadir bersama ialah Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr. Mohamad Azhan Yahya, Pengerusi CILAS, Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Penasihat ALSA UKM, Dr. Nur Atheefa Sufeena Binti M Suaree, pensyarah fakulti, Dr. Wan Farahiyah Izni W Abd Rahman dan penasihat moot club FUU, Dr. Hanifah Haydar Ali Tajuddin,

Diharapkan kem kepimpinan ini dapat memperkukuhkan lagi nilai kepimpinan bagi setiap badan organisasi mahasiswa di Fakulti Undang-Undang sekaligus mengeratkan hubungan dalam kalangan pimpinan pelajar sebagai usaha memacu kecemerlangan Fakulti Undang-Undang UKM.







Kunjungan

Hormat Majlis Perwakilan Pelajar FUU kepada Dekan FUU

Bengkel Pemurnian Akhir Buku Mewah 40 Tahun Fakulti Undang-Undang telah diadakan pada 18 Februari 2025 bertempat di Mercure Living Putrajaya.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid, Ahli Pengurusan, Wakil Perpustakaan Undang-Undang, Wakil Muzium Warisan Akademik, Wakil Penerbit UKM, Alumni FUU dan Unit Media FUU.

Bengkel ini diadakan bagi tujuan membuat semakan dan perbincangan draf akhir buku Mewah 40 Tahun FUU.

Kunjungan

Hormat Kesatuan Mahasiswa UKM kepada Dekan FUU



Pada 17 Februari 2025, Kesatuan Mahasiswa UKM (KMUKM) sesi 2024/2025 telah mengadakan kunjungan hormat kepada Dekan Fakulti Undang-Undang di Bilik Mesyuarat Fakulti Undang-undang.

Pertemuan ini bertujuan untuk memperkenalkan barisan kepimpinan KMUKM kepada pihak fakulti serta membincangkan gerak kerja dan inisiatif yang boleh dilaksanakan di Fakulti Undang-Undang. Antara agenda utama yang dibincangkan termasuklah pembentangan projek dan program KMUKM, mendapatkan maklum balas daripada pihak fakulti mengenai keperluan fakulti yang boleh dibantu oleh KMUKM, serta perbincangan isu-isu berbangkit yang memerlukan perhatian bersama.

Sesi ini dihadiri oleh Dekan Fakulti Undang-Undang, Prof. Dr. Rasyikah Md. Khalid , Timbalan Dekan Akademik, Dr. Nurhafilah Musa, Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr. Mohamad Azhan Yahya, mantan Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, pegawai akademik & pentadbiran fakulti, serta wakil KMUKM yang terdiri daripada Timbalan Presiden, Timbalan Speaker, dan sekretariat Pejabat Presiden serta Pejabat Speaker KMUKM.





Diharapkan sesi perbincangan ini dapat memperkukuhkan hubungan antara kepimpinan mahasiswa dan pihak fakulti dalam usaha memperkasakan kebajikan serta pembangunan mahasiswa di Fakulti Undang-Undang.

Pertandingan

National Client Consultation 2025 bertempat di UKM Kampus Jalan Raja Muda Abd Aziz, Kuala Lumpur.





Pada 22 Februari 2025, Fakulti Undang-Undang UKM dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Undang-Undang (PERUNDANG) telah mengadakan Pertandingan National Client Consultation 2025 yang bertempat di UKM Kampus Jalan Raja Muda Abd Aziz, Kuala Lumpur.

Pertandingan ini bertujuan untuk mengasah dan menilai bakat konsultasi dalam kalangan pelajar jurusan undang-undang dari pelbagai universiti terkemuka di Malaysia. Pertandingan ini memberi platform kepada para peserta untuk menunjukkan kebolehan mereka di samping menguji kemahiran mereka dalam menghadapi situasi sebenar dalam amalan undang-undang. Edisi kali ini memperlihatkan kejuaraan berjaya dirangkul oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) manakala Universiti Malaya (UM) telah mendapat gelaran naib johan.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Dr. Nurhafilah Musa merangkap Timbalan Dekan Akademik FUU UKM. Turut hadir, Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif (Pengerusi CILAS), Dr. Wan Farahiyah Izni W Abd Rahman (Penyelaras Program), Dr. Mohamad Azhan Yahya (Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan pihak pengurusan FUU UKM.

Diharapkan pertandingan ini telah memberi impak yang positif kepada para peserta di samping berjaya mempamerkan bakat masing - masing



Anugerah Tokoh
Pelajar Siswa

Dekan Fakulti Undang-Undang, Prof. Dr. Rasyikah Md Khalid, telah menghadiri Majlis Anugerah Tokoh Siswa UKM 2024 yang berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM pada 9 Januari 2025. Bertemakan "Kilauan Bintang," majlis ini bertujuan mengiktiraf pencapaian pelajar dalam pelbagai kategori termasuk kepimpinan badan beruniform, persatuan, fakulti, kolej kediaman, dan bidang-bidang lain. Turut memeriahkan majlis tersebut ialah Penolong Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, serta Dr. Mohd Shahril Nizam Md Radzi.

Pada majlis gilang-gemilang ini, mahasiswa Fakulti Undang-Undang (FUU) mencipta sejarah dengan merangkul pelbagai anugerah berprestij yang mengiktiraf keunggulan dalam kepimpinan dan pengucapan awam. Saudara Muhammad Iman Azhar mengharumkan nama fakulti dengan menerima Anugerah Kepimpinan Watan dan Anugerah Kepimpinan Pengucapan Awam, manakala Saudara Muhammad Mukhlisul Mubin Julasapiyah pula dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Harapan. Kejayaan ini turut diserikan dengan pencalonan Saudari Sandralehka A/P Chandra Segaran sebagai finalis Anugerah Kepimpinan Sukarelawan (Kemanusiaan) dan Saudari Hanli Peh sebagai finalis Anugerah Kepimpinan Sukan. Pencapaian ini bukan sahaja membanggakan FUU tetapi juga menjadi bukti dedikasi dan kesungguhan mahasiswa dalam mencorak masa depan yang cemerlang.

Selain itu, pasukan Urusetia Perucapan Umum (UPU), yang dianggotai oleh pelajar-pelajar FUU, menerima Anugerah Penghargaan Khas Naib Canselor (Keseluruhan Berkumpulan). Penghargaan ini diberikan atas dedikasi mereka dalam sumbangan serta siri kejayaan dalam pertandingan pengucapan awam.

Majlis ini bukan sekadar satu acara untuk meraikan kejayaan mahasiswa. Ia turut menjadi simbol inspirasi, menyuntik semangat untuk terus berusaha. Setiap pelajar diyakini memiliki potensi besar untuk memberi impak positif, bukan sahaja kepada universiti tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya.

FUU, UKM telah melakukan

Kunjungan Antarabangsa

ke Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNB)



11 Mac 2025 — Delegasi dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU, UKM) telah melakukan kunjungan antarabangsa ke Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB) yang merupakan rakan kerjasama sejak 2024. Seramai 11 orang pelajar telah menyertai Program Pengantarabangsaan Pelajar 2025. Program bermula 11 hingga 13 Mac 2025 yang diketuai oleh Dekan FUU, YBhg. Prof. Dr. Rasyikah binti Md. Khalid, dan diiringi Timbalan Dekan (Hal Ehwal Jaringan, Industri dan Masyarakat) FUU, Dr. Muhamad Sayuti Hassan.

Program pada hari pertama telah dipenuhi dengan beberapa aktiviti yang dijadualkan dan melibatkan delegasi FUU UKM. Antaranya termasuklah Majlis Perasmian serta Syarahan Umum oleh Prof. Dr Rasyikah dan Dr. Muhamad Sayuti. Manakala beberapa orang Mahasiswa dari FUU UKM tidak melepaskan peluang untuk melibatkan diri selaku pembentang Kertas Kerja dalam Persidangan Pelajar Bencoolen bersama univeristi lain yang turut hadir.

Sesi hari pertama diteruskan lagi dengan perbincangan antara Dekan dan Ahli Pengurusan Fakultas Hukum UNIB untuk membincangkan peluang kerjasama yang berpotensi dan mampu memberi pencapaian berimpak kepada fakulti mahupun universiti pada masa akan datang. Dr. Muhamad Sayuti Hassan selaku ahli akademik yang memiliki kepakarannya dalam bidang Undang-undang Orang Asal telah dijemput bagi memberi perkongsian dalam sesi podcast di sana.

Kesemua aktiviti turut disertai oleh para pelajar dan kakitangan dari beberapa universiti di Indonesia seperti Universitas Andalas, Universitas Jambi, dan Universitas Muhammadiyah Bengkulu yang telah memberi nilai luar biasa terhadap program dijalankan ini.

Program Pengantarabangsaan Pelajar

2025 di Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB)



12 Mac 2025 – Program Pengantarabangsaan Pelajar 2025 di Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB) menjadi platform bagi pelajar Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU UKM) untuk menyerlahkan bakat dalam pertandingan pantun dan pidato. Selain berpeluang berinteraksi dengan rakan-rakan dari Indonesia, para peserta turut memperkenalkan warisan budaya tempatan serta memartabatkan Bahasa Malaysia di peringkat antarabangsa.

Para peserta seterusnya mengikuti Kuliah Hukum Pidana Adat yang disampaikan oleh Prof. Herlambang, S.H., M.H. Kuliah ini membuka perspektif baharu mengenai prinsip unik dalam sistem Hukum Pidana Adat di Indonesia, sekali gus memperkukuh pemahaman mereka terhadap aspek perundangan dari sudut perbandingan antara Malaysia dan Indonesia.

Delegasi FUU UKM, bersama Dekan dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) FUU, turut menyertai lawatan sambil belajar ke Pusat Konservasi Penyu. Lawatan ini memberikan pengalaman berharga dalam memahami kepentingan pemuliharaan alam sekitar serta perlindungan spesies terancam yang berkait rapat dengan sistem perundangan di kedua-dua negara. Program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran peserta tentang tanggungjawab sosial, malah memperkukuh kefahaman mereka terhadap ekosistem dan pemeliharaannya.

Majlis penutup program diserikan dengan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan pantun dan pidato. Seramai dua (2) orang pelajar FUU UKM berjaya meraih tempat kedua dan tempat ketiga dalam pertandingan pidato. Manakala satu kumpulan yang diwakili tiga (3) orang pelajar FUU UKM dinobatkan sebagai Naib Johan pertandingan pantun. Para peserta turut dianugerahkan sijil penghargaan atas komitmen serta pencapaian cemerlang mereka sepanjang program berlangsung.

Program ini membuktikan keupayaan pelajar FUU UKM dalam berdaya saing di peringkat antarabangsa, selain memperkukuh hubungan akademik dan budaya antara Malaysia dan Indonesia

delegasi dari

Fakulti Undang-undang

Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU UKM)







13 Mac 2025 — Delegasi dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU UKM) bersama peserta dari Fakultas Hukum, Universitas Bengkulu (FH-UNIB) telah menyertai Program Khidmat Masyarakat yang dijalankan dengan kerjasama FH-UNIB. Program ini diadakan di Kilang Kek Bay Tat. Peserta berpeluang menyaksikan secara langsung proses pembuatan kek tradisional Bengkulu yang terkenal ini. Selain mendapat pengalaman budaya yang berharga, program ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk menyumbang kepada komuniti setempat serta menyokong industri kecil dan sederhana di Bengkulu. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan akademik antara kedua-dua institusi, malah mengeratkan lagi jalinan persahabatan antara Malaysia dan Indonesia.

Aktiviti diteruskan dengan penerokaan budaya dan sejarah Kota Bengkulu melalui sesi lawatan di beberapa lokasi bersejarah utama seperti Benteng Marlborough dan Rumah Soekarno. Aktiviti ini memberikan peluang kepada peserta untuk mendalami dan memahami warisan masyarakat di Indonesia.









Sekalung

Tahniah dan Penghargaan

sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2025





















Tahniah &
SYABAS
DR. HANWARDA YAAKOB
SCOPUS


Tahniah &
SYABAS
PROF. DR. NAZURA ABDUL MANAP
SCOPUS


Tahniah &
SYABAS
PROF. MADYA DR. MOHAMAD RIZAL ABD RAHMAN
MyCite


Tahniah &
SYABAS
PROF. MADYA DR. MOHAMAD RIZAL ABD RAHMAN
SCOPUS


Tahniah &
SYABAS
PROF. DR. NAZURA ABDUL MANAP
WOS (Q1)


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah


Sekalung Tahniah

Disediakan Oleh :
UNIT MEDIA FAKULTI UNDANG-UNDANG
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor
03-8921-6355/6692/6959